



PEJAJAT TAMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E,
PUSAT PENTAJABIRAN KERAJAAN PERSEKOLAHAN
62504 PUTRAJAYA

• Tel : +603-8884 9332
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my>

Huj.Kami : KP(BPSH-SPDK)2011/005/02 Jld 3 (30)
Tarikh : 14 November 2011

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2011:
GARIS PANDUAN KUTIPAN BAYARAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN MURID
DI SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN**

Sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Y.A.B. Perdana Menteri dalam pembentangan bajet tahun 2012 pada 7 Oktober 2011 telah mengumumkan pemansuhan bayaran tambahan berkuatkuasa mulai sesi persekolahan tahun 2012. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan **Surat Pekaliling Ihtisas Bilangan 11 Tahun 2011- Pemansuhan Bayaran Tambahan Persekolahan Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan** bertarikh 3 November 2011.

2. Meskipun Surat Pekaliling Ihtisas Bilangan 11 Tahun 2011 jelas menggariskan bayaran-bayaran yang dibenarkan mengikut peruntukan Akta Pendidikan 1996 dan surat-surat siaran berkaitan (Para 3 dan Lampiran B), pihak Kementerian mendapati pihak sekolah masih lagi membuat kutipan bagi bayaran-bayaran persekolahan di luar kebenaran berkenaan.

3. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Kutipan Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan** yang bertujuan memudahkan pihak sekolah mengendalikan kutipan bayaran keperluan persekolahan murid selaras dengan keputusan kerajaan memansuhkan bayaran tambahan tersebut. Pihak sekolah hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan yang disediakan bagi mengelakkan sebarang isu/kekeliruan bertubung pemansuhan bayaran tambahan persekolahan.

4. Sekiranya terdapat keperluan-keperluan lain untuk persekolahan murid, ibu bapa boleh membuat pembelian keperluan tersebut sama ada di korporasi kedai buku sekolah atau di pasaran terbuka.